

awam dan kejuruteraan mekanikal adalah seperti Lampiran 6A² dan kontraktor elektrik di Lampiran 6B³. Kepala dan subkepala pendaftaran adalah seperti di Lampiran 6C. Kelas pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) adalah seperti di Lampiran 6D.

- 6.2.3 Kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)⁴ boleh dipelawa bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Sabah. Kontraktor kerja yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK juga boleh dipelawa untuk menyertai bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PUKONSA bagi perolehan kerja yang menggunakan peruntukan negeri di Sabah.
- 6.2.4 Kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) boleh dipelawa bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK untuk menyertai perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Persekutuan di Sarawak. Kontraktor kerja yang berdaftar dengan LPIPM dan PKK juga boleh dipelawa menyertai bersama-sama dengan kontraktor yang berdaftar dengan LPIPM dan UPKJ bagi perolehan kerja yang menggunakan peruntukan Negeri di Sarawak.
- 6.2.5 Merujuk Lampiran 6A bagi tender kerja bangunan, kejuruteraan awam dan kejuruteraan mekanikal umumnya terbatas kepada satu kelas kontraktor sahaja, manakala kontraktor-kontraktor kejuruteraan mekanikal tidak dibatasi oleh had kewangan pendaftaran. Walau bagaimanapun bagi kontraktor-kontraktor kejuruteraan mekanikal yang berdaftar dalam kelas-kelas lebih tinggi dari kelas terbawah yang layak adalah dibenarkan menender⁵. Bagi kerja-kerja mekanikal yang bernilai kurang dari RM500,000 sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bumiputera sahaja.

² Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.14 Tahun 2002

³ Surat Pekeliling perbendaharaan Bil.6 Tahun 2007

⁴ Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 April 2010

⁵ Surat KPKR bil (6) dlm KPKR.SULIT/A/1/71A Vol III bertarikh 29/3/89